

DATE: 22/9/2010

Ekonomi domestik diperkukuh

BH - 22/09/2010

Langkah bersesuaian elak kesan negatif kelembapan negara maju

Oleh Azli Ayob
azliayob@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan memperkenalkan beberapa langkah bersesuaian bagi mengukuhkan ekonomi domestik dalam pembentangan Bajet 2011 untuk mengelak ekonomi Malaysia menerima kesan negatif daripada kelembapan ekonomi yang berlaku di negara maju.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata langkah mengukuhkan ekonomi domestik perlu kerana sebagai sebuah ekonomi terbuka, Malaysia terdedah kepada faktor luaran yang boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara.

"Ekonomi negara masih berada dalam kedudukan yang kukuh. Namun, sebagai sebuah ekonomi terbuka, tinjauan ekonomi yang lebih lemah di kalangan negara maju sedikit sebanyak akan memberi kesan kepada pros-

pek pertumbuhan ekonomi negara.

"Justeru, langkah bersesuaian akan diambil bagi meningkatkan permintaan dan perbelanjaan domestik," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mendengar taklimat mengenai keadaan ekonomi negara yang disampaikan Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

Najib berkata, berikutan jangkaan pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan di kalangan negara maju itu, Malaysia dijangka mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang lebih sederhana tahun ini tetapi ia dijangka masih mampu melebihi enam peratus.

"Unjuran pertumbuhan ekonomi untuk keseluruhan tahun ini akan diumumkan pada pembentangan Bajet di



NAJIB melihat reka bentuk 'Greater Kuala Lumpur' ketika menghadiri hari terbuka NKEA di Pusat Dagangan Dunia Putra, semalam.

Parlimen pada 15 Oktober ini," katanya.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, langkah pengukuhan ekonomi yang dilaksanakan kerajaan membolehkan Malaysia terus mencatatkan pertumbuhan yang kukuh di sebalik krisis ekonomi global, baru-baru ini.

"Sistem perbankan negara tidak terjejas ketika krisis ekonomi global bagi membolehkan perusahaan kecil dan

“Langkah pengukuhan ekonomi yang dilaksanakan kerajaan membolehkan Malaysia terus mencatatkan pertumbuhan kukuh”

Najib Razak
Perdana Menteri

sederhana (PKS) dari segenap sektor ekonomi terus mendapat pembiayaan manakala sistem kewangan Islam terus berkembang kukuh," katanya.

Pada sidang media itu juga, beliau berkata, kerajaan akan terus melaksanakan beberapa pendekatan bagi meningkatkan penggunaan kaedah pembayaran secara elektronik di kalangan pengguna.